



6

**Ahmad Muziru Idham**

6j ·



Masalah yang perlu diperakui sekarang berkenaan bidang keilmuan:

- 1) Penulisan popular ditulis oleh orang yang bukan ahlinya.
- 2) Orang yang ahlinya tidak menghasilkan penulisan popular.

MASALAH PERTAMA:

Masalah pertama itu kita harus akui merupakan masalah terbesar yang sedang melanda dalam dunia kebanjiran maklumat hari ini. Dalam mana-mana bidang sekalipun, akan ada pencinta bidang tersebut yang sentiasa mengikut perkembangan bidang tersebut dan seronok hendak berkongsi apa yang dia tahu kepada orang lain.

Sekalipun dia tidak mendekati bidang tersebut secara dekat dan berdisiplin, dia rasa hasil daripada pembacaan dan pengamatannya itu membuatkan dia yakin untuk terus berkongsi kepada masyarakat disebabkan dia rasa maklumat-maklumat yang ada pada dirinya itu sudah sedia maklum.

Tetapi, apabila semakin lama dalam pekerjaannya itu tetapi masih tidak mendalami bidang tersebut dengan lebih serius dan berdisiplin, dia mencapai satu peringkat lagi di mana dia merasakan bahawa dirinya semakin menjadi autoritatif untuk membicarakan perihal bidang tersebut lalu mula terlibat dalam mentafsir data-data daripada sumber yang ditemuinya.

Tetapi, disebabkan dia tidak punya disiplin asas untuk mengumpul dan mentafsir data, menyebabkan proses dia menghasilkan maklumat daripada data-data tersebut adalah bermasalah dan tidak menepati kaedah kajian sebenar.

Barangkali kesimpulan yang dibuat olehnya selari dengan maklumat-maklumat yang sudah mafhum, tetapi kaedahnya yang tidak tepat itu menyebabkan tindakannya itu adalah merosakkan disiplin bidang itu sendiri. Kalau zaman sekolah pun cikgu akan bagi kita markah 0 jika kita membuat jalan kira-kira yang salah untuk hitungan matematik sekalipun jawapan yang kita dapat adalah betul dengan skema jawapan, apatah lagi jika ia melibatkan suatu bidang ilmu yang besar.

Apatah lagi pula apabila kelompok pertama ini memilih laluan penulisan populis atas alasan untuk menarik minat masyarakat kepada bidang tersebut, dan masyarakat menyambut mereka dengan baik dan mencapai populariti tersendiri di mata masyarakat, maka bertambah-tambah keegoannya untuk terus menulis sesuatu yang dapat menyenangkan hati masyarakat.

Maka, meningkat lagi satu tahap daripada kelompok ini yang pada awalnya sekadar menjadi pencinta bidang, selepas itu merasakan diri sebagai autoritatif untuk mentafsir data-data, dan pada akhirnya menjadi ego apabila mereka mula mendapat sambutan masyarakat untuk kerja-kerja yang mereka lakukan tanpa merasa insaf bahawa tindakan mereka tersebut boleh merosakkan masyarakat.

Mereka rasa bahawa mereka berniat untuk mendekati masyarakat



6



mempercayai kredibiliti mereka berbanding orang-orang yang benar-benar diperakui keilmuannya. Itu adalah masalah golongan populis yang lazim berlaku dalam dunia globalisasi dan wujud pada mana-mana bidang sekalipun.

MASALAH KEDUA:

Dalam masa sama, kita juga perlu mempermasalahkan kelompok kedua yang terdiri daripada orang-orang yang berkeahlian dalam bidangnya tapi tidak menghasilkan penulisan-penulisan yang lebih mudah difahami oleh masyarakat.

Barangkali kita tidak boleh mengharapkan untuk mereka menulis sendiri berikutan kekangan masa yang mereka hadapi yang lebih ditumpukan kepada kajian-kajian, tetapi kita juga boleh mempersoalkan apa usaha mereka untuk mendekati masyarakat, contohnya seperti mewujudkan suatu kumpulan kajian yang berfungsi menulis sesuatu yang memudahkan apa-apa yang telah dikajinya selama ini. Itu satu contoh yang boleh difikirkan.

Tetapi yang utama adalah kurangnya usaha-usaha yang sebegitu daripada para ahli sendiri untuk memastikan tradisi ilmu bidangnya itu terjaga bukan setakat di institusi-institusi akademik, malahan di peringkat wacana awam (public discourse) sekalipun.

Mereka boleh merungut tentang bercambahnya golongan pertama yang wujud bagai cendawan tumbuh di merata-rata tempat, tetapi dalam masa sama mereka kurang usaha untuk melawan semula kerosakan-kerosakan yang dibawa oleh golongan pertama tersebut. Mereka boleh menghentam golongan pertama, tapi persepsi mereka semakin jatuh dalam kalangan masyarakat berikutan daripada keberjayaan golongan pertama untuk memenangi persepsi masyarakat.

Apabila berada dalam dunia globalisasi hari ini, kita tidak boleh lagi mengharapkan agar masyarakat awam akan datang sendiri belajar dengan kita ketika segala maklumat yang mereka mahukan itu boleh dipetik di hujung jari sahaja pada hari ini. Segala maklumat boleh didapati dengan pantas, justeru masyarakat yang tidak faham akan anggap itulah nilai ilmu yang mereka dapat pada hari ini kerana mereka terus boleh aplikasi dalam kehidupan seharian mereka.

Apatah lagi pula golongan populis telah membantu untuk menyediakan segala maklumat dengan mudahnya yang menyebabkan mereka terus tertarik untuk mengikuti tulisan-tulisan mereka tanpa ada daya ilmu untuk menapis segala maklumat yang diberikan. Kekurangan daya ilmu daripada masyarakat awam tersebut menyebabkan mereka mudah terpengaruh dengan kumpulan populis tersebut dan tidak berdaya juga untuk mempersoalkan tahap autoriti keilmuan mereka.

Sebab itulah golongan-golongan yang berkeahlian dalam bidang masing-masing harus memikirkan bagaimana untuk memastikan agar masyarakat awam juga dapat terdidik dengan ilmu yang benar dan melorongkan masyarakat awam kepada minat untuk mencari ilmu pada sumber yang betul.



mudah ditahami oleh masyarakat dengan panduan dan pantauan olehnya sendiri.

Jika kita ikuti perkembangan badan pemikir yang banyak wujud daripada negara-negara benua Eropah, rata-rata portal popular yang sering kita baca itu pasti di belakangnya adalah terdiri daripada barisan ahli akademik yang pakar dalam bidang masing-masing, sekurang-kurangnya sebagai kumpulan editorial.

123

13 Komen 32 Perkongsian

Suka

Komen

Kongsi



Andy Aishiteru

Ayee.. mohon buat video n post kt ML Studios.. much better I think

Suka · Balas · 6j



Andy Aishiteru membalas · 4 Balasan 6j



Ahmad Khusyairie

Org dh kurang membaca. Zaman skrg ni content semua dlm video.

Suka · Balas · 6j



Mohd Asmadi Din

Setuju! Jarang tak setuju dengan aye

Suka · Balas · 5j



Daniel Teoh Tzu Yong

Takpe kita ada Muziru

Suka · Balas · 5j



NMustafa NZaki AlHadi

Vote for ayeeeee

Suka · Balas · 5j



Prasert Eh Chai

Setuju.

Suka · Balas · 4j



Ashraf Mustaqim

Setuju.

Suka · Balas · 4j



Zahiruddin Zabidi

Begitulah idealnya... tapi...


Suka · Balas · 4j



Syafiq AtTauhidi

up

Suka · Balas · 2j





6

